



Prof Daing Nasir bersama pelajar yang menerima Insentif Skim Bantuan Pendidikan MyGift UMP.

# UMP perkenal MyGift untuk kebajikan siswa

BERITA HARIAN UNIVERSITI VELOSI KHAS.

1 SEPT 2016 11/5 20

Oleh Mimi Rabita  
Abdul Wahit  
bhvarsiti@bh.com.my

## Gambang

Mahasiswa baharu program diploma dan ijazah sarjana muda Universiti Malaysia Pahang (UMP) Sesi 2016/2017 berpeluang memohon biasiswa universiti itu yang diperkenalkan tahun ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata mahasiswa yang memenuhi kriteria kelayakan asas dan khusus ditetapkan universiti layak memohon dan menerima bantuan yuran pengajian.

Untuk kali pertama, beliau berkata, Lembaga Pemegang Amanah MyGift UMP bersetuju meluluskan skim biasiswa sebanyak RM400,000 bagi mahasiswa baharu dengan latar belakang keluarga miskin tetapi memiliki keputusan cemerlang supaya dapat meneruskan pengajian di universiti itu.

"Melalui inisiatif MyGift, satu skim insentif pendidikan bernilai RM1,000 seorang juga diluluskan untuk membantu 10 mahasiswa baharu yang menghadapi

masalah kewangan.

"Bantuan ini akan disaring pada peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni supaya mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan mendasak, boleh menyediakan keperluan berkaitan untuk memulakan pengajian di sini," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

### Platform ampuh

Biasiswa itu ialah sebahagian daripada Insentif Skim Bantuan Pendidikan MyGift diperkenalkan UMP dalam usaha menjadi universiti komuniti dengan dana dikumpul hasil sumbangan mana-mana pihak bagi menyalurkan endowmen untuk tujuan penajaan pelajaran, penyediaan kemudahan kepada pelajar dan membudayakan semangat membantu golongan memerlukan.

Prof Daing Nasir berkata, Pelan Strategik UMP 2016-2020 menyentuh aspek Kelestarian Kewangan sebagai antara Bidang Keberhasilan Utama Universiti dan Lonjakan Strategik yang kritikal untuk UMP.

Beliau berkata, pengurusan UMP melihat bahawa sumber kewangan dan kekayaan baharu perlu diteroka sendiri

oleh pihak universiti demi manfaat kelestariannya dalam jangka panjang.

"Dalam konteks sektor pendidikan tinggi global, endowment sejak sekian lama adalah satu bentuk dana kewangan dan rizab aset diagregasikan sesebuah universiti untuk menyokong serta membiayai misi pendidikan secara konsisten melalui sumber diperoleh daripada penyumbang individu dan korporat.

"Pencapaian nilai endowmen sedemikian tidaklah mampu direalisasikan dalam tempoh singkat tetapi satu platform ampuh bagi tujuan itu perlu diletakkan lebih awal ketika universiti ini masih berada dalam fasa perkembangan," katanya.

### Golf amal

Prof Daing Nasir berkata, beliau menghargai komitmen warga dan sokongan setiap jabatan serta fakulti UMP untuk memudah cara penyaluran sumbangan kepada Endowmen Biasiswa Pelajar bawah MyGift yang berjaya mengumpulkan RM1.8 juta bagi membantu pelajar menghadapi masalah kewangan.

Melalui sinergi semua pihak di UMP dan komitmen dermawan, beliau yakin pro-

## Kejohanan Golf Amal UMP

- Sumbangan MyGift boleh disalurkan ke akaun BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (MBB - 556235304236)
- Individu atau syarikat berminat menyertai boleh menghubungi Pengarah program, Dr Ayib Rosdi (019-989 4421) atau Azizan Ajit (012-723 2752)
- Keterangan lanjut, layari <http://golfamal2016.ump.edu.my/>

gram lain yang sudah dimulakan untuk kebajikan mahasiswa seperti Kongsi Rezeki, Food For All, kupon makanan dan pengagihan zakat, dapat terus dilestarikan.

Menyemarakkan lagi usaha itu, UMP bakal menganjurkan Kejohanan Golf Amal pada 3 September di Glenmarie Golf & Country Club, Selangor, diikuti 17 September depan di Mahkota Golf & Country Club, Pahang, bagi mengumpul dana MyGift.

"Kami berbesar hati menjemput semua pemain golf tempatan dan antarabangsa, alumni UMP, pemimpin sektor awam dan korporat serta orang ramai untuk menyokong tujuan murni ini dengan mengambil bahagian dalam kejohanan itu.

"Setiap penyertaan dikenakan yuran, iaitu RM3,000 seorang dan RM10,000 bagi satu flight. Yuran dikutip itu nanti akan menjadi dana bagi membantu pelajar miskin dan kurang berkemampuan," katanya.

Dalam pada itu, majlis pelancaran MyGift UMP dan pengurniaan biasiswa universiti berkenaan akan disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, di Hotel Mandarin Oriental di sini, 1 Oktober depan.



Prof Daing Nasir bersama-sama ketua jabatan UMP pada Majlis Apresiasi MyGift yang diadakan baru-baru ini.